

PM lancar Pertandingan Komuniti Zon Hijau COVID-19

Program perkasa
peranan penduduk
bandar, desa atasi
wabak tawar
hadiah RM1.7j

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam melancarkan Pertandingan Komuniti Zon Hijau COVID-19 yang membabitkan pemerikasaan komuniti bandar dan luar bandar untuk bersama-sama memastikan kejayaan membendung penularan jangkitan

tan COVID-19.

Program itu diterajui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kategori komuniti bandar dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi kategori luar bandar dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai urus setia.

Kategori komuniti bandar khusus kepada perumahan strata jenis rumah pangsa dan pangsa-puri, manakala kategori komuniti luar bandar terdiri daripada kampung tradisional, rumah panjang dan kampung Orang Asal.

Pertandingan berlangsung selama enam bulan bermula April hingga September ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memperuntukkan RM1.7



Muhyiddin menyerahkan replika cek RM1 juta kepada Dr Abd Latiff pada majlis pelancaran Pertandingan Komuniti Zon Hijau COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

juta sebagai hadiah pertandingan itu yang bertemakan 'Komuniti Perkasa, Negara Sejahtera', iaitu RM50,000 dalam bentuk nilai projek pembangunan yang akan diberikan kepada Komuniti Zon Hijau COVID-19 yang dipilih sebagai pemenang.

"Sebanyak 20 pemenang bagi kategori luar bandar dan 14 pemenang bagi kategori bandar akan dipilih," katanya ketika melancarkan pertandingan itu di sini pada majlis turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Ahmad Jailani Muhammed Yunus; Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zainal Abidin Abu Hassan dan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri bagi Kesihatan Awam, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood.

Pada majlis berkenaan, Muhyiddin menyerahkan replika cek berjumlah RM1 juta kepada Dr Abd Latiff dan RM700,000 kepada Zuraida untuk kementerian masing-masing melaksanakan pertandingan terbabit.

Perdana Menteri berkata, selain menggalakkan komuniti membudayakan norma baharu,

pertandingan itu bertujuan memperkasa peranan komuniti bersama kerajaan dalam memerangi COVID-19 dan memastikan rakyat bebas jangkitan wabak terbabit.

"Oleh itu, saya menyeru semua anggota masyarakat menyahut cabaran menyertai pertandingan ini. Insya-Allah, segala jerih perih, komitmen dan usaha pimpinan serta ahli komuniti di kawasan masing-masing membanteras ancaman COVID-19 dapat diterjemah dan dihargai melalui pertandingan ini.

"Saya harap kita terus berusaha dan berdoa supaya ancaman COVID-19 segera berakhir. Semoga kita dapat kembali memacu pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.